

BERITA HARIAN

DATE: 26/10/2010

Program Transformasi Ekonomi

Program transformasi bukan mimpi

BH - 26/10/2010

Perdana Menteri mahu rakyat elak rasa curiga, hasil selari gagasan 1Malaysia

KUALA LUMPUR: Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan semalam membuktikan ia bukan lagi mimpi, dongeng atau pernyataan hasrat yang kabur, malah adalah peta panduan yang jelas, tersusun dan bakal menjulang martabat negara di mata dunia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, dalam setiap haluan transformasi, akan ada pihak minoriti yang ragu dan tidak yakin.

“Oleh itu, tiba masanya melenyapkan perasaan curiga, usaha terus bergelut dengan percakapan dan perbalahan kosong... hentikan suara sumbang dan senyuman sinis yang menyempitkan hati serta memamatkan azam.

“Sembilan projek permulaan (yang diumumkan semalam) menunjukkan kepada mereka yang mencurigai ETP bahawa jika kita fokus kepada tindakan dan mengelakkan omong kosong serta perdebatan dan perbalahan yang merugikan, hasilnya pasti tercapai, selari Gagasan 1Malaysia.

“Penerbitan dokumen (Hala Tuju ETP) yang terperinci ini adalah bukti keyakinan saya terhadap kebolehan setiap rakyat, sama ada yang bekerja dalam sektor swasta atau awam untuk sama-sama



NAJIB dan Tsu Koon, Idris bersama menteri dan timbalan menteri serta tokoh korporat menunjukkan Pelan Hala Tuju ETP sempena majlis pelancaran pelan itu, di PWTC, semalam.

berganding bahu dalam menjayakannya,” katanya berucap melancarkan Pelan Hala Tuju ETP di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Najib berkata, selepas berjaya mengangkat Malaysia dari sebuah negara kecil yang miskin kepada negara membangun, melalui ETP rakyat boleh yakin dan layak berada di saf hadapan arena dunia.

Untuk itu, beliau mahu

rakyat terus berusaha dan tidak berpeluk tubuh.

“Malah, saya sendiri mengambil risiko memperincikan secara nyata sasaran dan objektif dalam dokumen hala tuju ini yang menunjukkan kerajaan telus dan bersedia memenuhi semua janji kepada rakyat,” katanya.

Turut hadir bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri

Dr Koh Tsu Koon dan Senator Datuk Idris Jala yang juga Ketua Eksekutif Unit Pengerusan Prestasi dan Penyampaian (PEMANDU), menteri dan timbalan menteri serta tokoh korporat.

Najib juga memberi komitmen peribadi untuk memastikan setiap menteri bertanggungjawab memantau pencapaian projek permulaan (EPP) dan pelaburannya, malah ia akan dijadikan sebahagian Petunjuk Utama Prestasi (KPI) mereka.

Perdana Menteri juga memberi jaminan setiap projek besar akan dijalankan secara terbuka dan telus meng-

gunakan proses tender terbuka, selain tender terhad atau rundingan terus dalam keadaan terkecuali.

“Unsur penting dalam pelaksanaan ETP adalah pewujudan struktur tadbir urus yang jelas dan tersusun yang memungkinkan negara memperoleh hasil seperti mana yang diinginkan.

“Penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat untuk mencegah rasuah adalah antara usaha meningkatkan rasa tanggungjawab rakyat, memberanikan diri dan melaporkan salah laku rasuah tanpa rasa takut,” katanya.

- Lagi berita di muka 4, 19, 20, 21
- Senarai 60 peluang perniagaan, 131 projek permulaan (EPP) di muka 22, 23